

Malaysia sasar RM50b eksport produk halal 2020

Kuala Lumpur: Malaysia menya-
rkan untuk mencapai eksport
produk dan perkhidmatan halal
sebanyak AS\$12 bilion (RM50 bi-
lion) pada 2020.

Menteri Perdagangan Dalam
Negeri dan Hal Ehwal Pengguna,
Datuk Seri Saifuddin Nasution Is-
mail, berkata sasaran itu boleh
dicapai melalui kerjasama erat
antara agensi kerajaan dengan
sektor swasta, termasuk perusa-
haan kecil dan sederhana (PKS).

"Kita juga sudah merangka be-
berapa usaha dan program, te-
rutama Pelan Induk Industri Halal
(2008-2020), bagi mencapai mat-
lamat menjadikan negara sebagai
pemimpin global dalam inovasi,
pengeluaran serta perdagangan
sektor halal.

"Ketika ini, Malaysia melalui
Taman Halal yang diiktiraf HAL-
MAS, iaitu akreditasi diberi oleh
Halal Industry Development Cor-
poration (HDC), berjaya menarik
pelaburan lebih RM13 bilion.

"Ia dijangka berkembang pesat
selaras pertumbuhan penduduk
Islam seluruh dunia yang kini
mencapai 1.8 bilion orang," ka-
tanya ketika menyampaikan
ucap-tama pada Pesta Halal Sa-
rajevo 2019 di Sarajevo, semalam.

Menurut kenyataan dikeluar-
kan Kementerian Perdagangan
Dalam Negeri dan Hal Ehwal
Pengguna, di sini, Saifuddin Na-
sution bersama Pengerusi Majlis
Menteri, Prof Dr Denis Zvizdic,
serta Ahli Presidensi, Sefik Dza-

ferovic, turut menyaksikan peme-
teraian dua memorandum perse-
fahaman (MoU) bernilai kira-kira
25 juta euro (RM115 juta) antara
syarikat Malaysia dengan Bosnia
dan Herzegovina pada majlis itu.

Saifuddin Nasution berkata, hu-
bungan dagang antara Malaysia
dengan Bosnia dan Herzegovina
bertambah baik dengan menca-
tatkan jumlah AS\$1.7 juta (RM7
juta) pada 2017 membabitkan per-
tumbuhan besar sebanyak 179.9
peratus berbanding 2016.

"Pada 2017, eksport Malaysia ke
Bosnia dan Herzegovina bernilai
AS\$881,373 (RM3.7 juta), manaka-
la import pula berjumlah
AS\$786,214 (RM3.3 juta)," kata-
nya.

Beliau berkata, antara eksport
utama Malaysia ke Bosnia dan
Herzegovina ialah produk elek-
trik dan elektronik, makanan ola-
han, produk getah, serta peralatan
optik dan saintifik.

"Import utama kita pula ialah
produk kimia, produk kayu, teks-
til, pakaian, kasut serta produk
elektrik dan elektronik," kata-
nya.

Beliau berkata, ada pelbagai bi-
dang kerjasama boleh turut di-
terokai syarikat Malaysia dan
Bosnia, seperti produk makanan
terutama yang halal, produk ge-
tah, produk elektrik dan elektrok-
nik, hospitaliti dan farmaseutikal,
kosmetik, kewangan, pelanco-
ngan, e-perdagangan, logistik serta
perkhidmatan lain.



Saifuddin Nasution (dua dari kanan) hadir pada majlis perasmian Pesta Halal Sarajevo 2019 di Sarajevo, Bosnia Herzegovina, semalam